

LATIHAN NOVEL (TINGKATAN 2)

LATIHAN 5

Nyatakan aspek komsas bagi setiap kenyataan di bawah

Kegigihan untuk mencapai kejayaan	
Ketabahan	
Kita mestilah menyayangi anggota keluarga kita	
Kita haruslah gigih untuk mencapai kejayaan	
Kasih sayang	
Kasih sayang sesama anggota keluarga	
Kegigihan	
Ketabahan menghadapi cabaran	
Kita patutlah tabah dan sabar menghadapi dugaan hidup	

Pilihan jawapan:

Persoalan	Nilai	Pengajaran
-----------	-------	------------

LATIHAN 6

Nyatakan persoalan, nilai dan pengajaran yang betul yang terdapat di atas dengan peristiwa yang telah diberikan di bawah.

Peristiwa

1. Laiman gigih berusaha di universiti sehingga berjaya menamatkan pengajiannya dan mendapat ijazah kejuruteraan
2. Laiman gigih memujuk Pak Sahok beberapa kali agar membenarkan Laiman menjalankan penternakan ikan air tawar dan udang harimau di tanah rizab kerajaan yang terletak bersebelahan tanah Pak Sahok
3. Laiman gigih melaksanakan semua projeknya iaitu projek penanaman tembikai, penternakan ikan air tawar, penternakan udang harimau dan sebagainya sehingga berjaya walaupun pada mulanya ditentang oleh ayahnya iaitu Pak Khasim dan penduduk kampung
Persoalan:
Nilai:
Pengajaran:

Peristiwa

1. Laiman tabah apabila Pak Sahok tidak membenarkannya menggunakan tanah rizab untuk projek penternakan ikan air tawar
2. Laiman tabah menghadapi rintangan hidup apabila tangki minyak terbakar dan Muluk menuduh Laiman yang menyebabkan peristiwa itu berlaku.
3. Baginya, keputusan mereka hendaklah dihormati tanpa rasa dendam
Persoalan:
Nilai:
Pengajaran:

Peristiwa

1. Bapa Laiman iaitu Pak Khasim amat menyayangi Laiman dan menentang hasrat Laiman untuk menjadi petani moden kerana tidak mahu Laiman hidup susah seperti dirinya.
2. Nenek Laiman menyayangi Laiman sehingga sanggup mengeluarkan wang simpanannya untuk pengajian Laiman di universiti
3. Abang Laiman iaitu Mail menyayangi Laiman sehingga masih tidak berkahwin kerana wang gajinya sering diberikan kepada Laiman
Persoalan:
Nilai:
Pengajaran: